

25 JAN 2003

Razaleigh-Umno

UMNO TIDAK BERHASRAT SERAH SEPENUHNYA TERAJU KEPIMPINAN KEPADA ORANG MUDA

GUA MUSANG, 25 Jan (Bernama) -- Umno tidak berhasrat untuk menyerahkan sepenuhnya teraju kepimpinan kepada golongan muda, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno, Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau berkata kuasa peralihan perlu mengambil masa yang panjang melalui kesinambungan perjuangan.

Oleh itu pemimpin Umno jangan mudah membuat pendirian sendiri untuk berundur daripada memegang jawatan yang disandang sekarang semata-mata bagi memberi laluan kepada orang muda menerajui kepimpinan parti dan kerajaan, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Umno bahagian Gua Musang di Bukit Chekati di sini, malam tadi.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang dan Anggota Parlimen kawasan itu diminta mengulas mengenai kesediaan banyak pemimpin Umno termasuk Menteri Besar Pahang dan anggota Exco kerajaan negeri itu untuk menarik diri daripada bertanding pada pilihan raya umum akan datang, bagi memberi laluan kepada muka baru.

"Langkah terburu-buru itu akan memberi kesan buruk terhadap perjuangan parti yang masih memerlukan gandingan antara pemimpin lama dan baru," katanya.

Beliau berkata walaupun Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyuarakan supaya pemimpin lama yang tidak berkemampuan menjalankan tugas agar berundur untuk memberi laluan kepada pemimpin muda, ia tidak bermakna semua pemimpin lama perlu berundur.

"Perdana Menteri hanya menekankan kepada mereka yang mempunyai masalah terhadap perjuangan parti seperti salah laku, rasuah, tidak adil dan tidak lagi berkebolehan memimpin rakyat, mereka itu yang diminta berundur," katanya.

Tengku Razaleigh berkata sebarang penyusunan semula kepimpinan parti perlu mendapat kerjasama dan sokongan semua pihak sepanjang masa.

Katanya ini adalah kerana perubahan itu memerlukan gandingan tenaga pemimpin lama dan baru tanpa mengira siapa yang lebih penting tetapi mampu bekerja keras memenangkan Barisan Nasional pada pilihan raya umum kelak.

"Dengan itu kita dapat menyampaikan mesej yang sebenarnya kepada rakyat supaya mereka memihak kepada kita dan menyokong dasar-dasar yang diperjuangkan oleh Umno," katanya.

-- BERNAMA

AI BD HM